

MAHATHIR TAK DIKAIT DENGAN

3 SEP 1992

JAKARTA 2 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa beliau tidak ingin dikait-kaitkan dengan Allahyarham Presiden Sukarno dan tidak bercita-cita menjadi jurucakap bagi Dunia Ketiga.

Katanya, apa yang beliau suarakan secara lantang selama ini dibuat berasaskan kepada kebenaran.

Perdana Menteri berkata, beliau sedar apa yang

disuarakannya tidak selalu didengar oleh mereka yang besar dan kuat, tetapi tugas ini perlu diteruskan.

Dr. Mahathir menegaskan demikian apabila para wartawan Indonesia memintanya mengulas pandangan seorang diplomat republik itu yang menyifatkan beliau sebagai 'Sukarno Kecil'.

Sambil berseloroh Perdana Menteri berkata: "Di negara saya sendiri pun hanya disifatkan sebagai Mahathir Kecil." Lebih 300 wartawan yang menghadiri sidang akhbar beliau bertepuk mendengar jawapannya yang dianggap bijak dan tajam itu.

Para wartawan Indonesia juga bertanya sama ada Malay-

sia akan menyokong sekiranya Indonesia dicalonkan untuk menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Jawab Mahathir: "Kami akan membuat keputusan apabila kita sudah sampai ke peringkat itu. Malaysia tidak boleh memutuskan perkara ini sendirian."

Dr. Mahathir telah diajukan soalan-soalan demikian berikutan cadangannya supaya Majlis Keselamatan yang kini dianggotai oleh lima buah kuasa besar termasuk Amerika Syarikat, Russia dan China memecahkan kuota itu dan

LIHAT MUKA 2

**INGGIN
SUKARNO**

MAHATHIR TAK INGIN DIKAIT DENGAN SUKARNO

memberi peluang kepada negara-negara lain untuk menganggotainya.

Wartawan Indonesia yang mengajukan soalan itu berkata bahawa bekas Presiden Soviet Union, Mikhail Gorbachev pernah mencadangkan supaya Indonesia dijadikan anggota tetap Majlis Keselamatan PBB.

Majalah *Far Eastern Economic Review* keluaran 20 Ogos lalu pula menyiarkan rencana yang membandingkan Dr. Mahathir dengan Presiden Suharto. Rencana itu memuji Dr. Mahathir sebagai pemimpin Dunia Ketiga yang berani.

Bagaimanapun dalam keluaran yang sama, seorang diplomat Indonesia secara sinis menggelar Dr. Mahathir sebagai "Sukarno Kecil."

Kenyataan ini telah dipetik secara meluas oleh akhbar-akhbar Indonesia minggu lalu dan Dr. Mahathir menjadi buruan mereka sejak beliau tiba di sini Ahad lepas.

Soalan-soalan lain yang menyentuh apa yang dianggap sebagai 'persaingan' antara Malaysia dengan Indonesia turut diajukan kepada Perdana Menteri dalam sidang akhbar hampir satu jam itu.

Lebih menonjol

Antaranya ialah sama ada perlu ada seorang pemimpin yang lebih menonjol daripada yang lain di dalam Pergerakan Berkecuali (NAM) seperti yang wujud semasa pergerakan itu mula-mula lahir dahulu.

Dr. Mahathir menegaskan, pada pandangannya NAM tidak harus dikuasai oleh sesebuah negara tertentu sahaja dan tidak perlu ada pemimpin yang harus ditonjolkan.

Katanya, penonjolan ini tidak perlu memandangkan NAM

sekarang ini merupakan sebuah pergerakan yang lebih demokratik dan apa yang harus dibuat ialah meneruskan kerja-kerja yang boleh mendatangkan manfaat pada negara anggota.

Dr. Mahathir juga diminta mengulas apa yang wartawan Indonesia anggap sebagai pemuluan akhbar-akhbar tempatan terhadap ucapan beliau pada sidang kemuncak semalam yang dianggap oleh para perwakilan sebagai bernas dan berani.

Jawab Perdana Menteri: "Saya tidak fikir mereka memulau saya. Ada satu akhbar Inggeris yang menyiarkan sedikit.

Tak rasa tersinggung

"Bagaimanapun saya tidak merasa tersinggung. Sudah tentulah ucapan Presiden Suharto mengatasi ucapan saya kerana beliau Pengerusi Persidangan dan tuan rumah."

Dr. Mahathir kemudian ditanya sama ada beliau setuju dengan pandangan dan pendirian Presiden Suharto yang terkandung dalam ucapannya itu.

Perdana Menteri berkata, pada umumnya beliau setuju dengan apa yang Presiden Suharto kata.

Seolah-olah masih tidak puas hati dengan jawapan-jawapan Dr. Mahathir, para wartawan itu bertanya lagi sama ada hubungan Malaysia dengan Indonesia pada masa ini baik.

"Baik seperti sedia kala," jawab Perdana Menteri ringkas.

Menjawab satu pertanyaan lain, beliau berkata, Malaysia tidak datang ke Sidang Kemuncak ini untuk 'mencuri perhatian' daripada Indonesia sebagai tuan rumah.

Tegasnya: "Kami tidak boleh mencuri perhatian kerana kami sebuah negara kecil dengan penduduk hanya 18 juta berbanding dengan Indonesia yang mempunyai 180 juta penduduk."—*Utusan*.